


Perpaduan Penting Dalam Menjamin Keharmonian Negara



**"BANGSA MEMBACA
1 MALAYSIA BERJAYA"**

www.nslibrary.gov.my

Diterbitkan setiap bulan oleh :
Perbadanan Perpustakaan Awam,
Negeri Sembilan

Malaysia merupakan sebuah negara yang aman damai dengan penduduknya yang berbilang kaum. Keadaan ini dapat dikekalkan kerana berlakunya toleransi antara kaum utama terbesar di negara kita iaitu Melayu, Cina dan India. Justeru itu, kita seharusnya bersyukur dengan keamanan dan keharmonian di mana kita boleh duduk bersama-sama serta berbincang tanpa ada rasa perbezaan antara satu sama lain. Persefahaman yang telah berjaya dicapai ini perlu dikekalkan supaya tiada perasaan curiga antara kaum kerana ia akan menjejaskan serta merosakkan semangat kejiranan yang telah terjalin sejak sekian lama.

Perpaduan kaum akan menjadikan negara aman dan tenteram, keadaan ini membolehkan pihak kerajaan merancang dan melaksanakan pembangunan dengan lancar untuk meningkatkan taraf hidup rakyat. Antara manfaat lain perpaduan kaum ialah pihak kerajaan boleh memajukan sektor pelancongan negara. Keadaan negara yang aman dan damai akan menarik lebih ramai pelancong asing datang ke Malaysia. Kehadiran pelancong asing ini akan memberikan peluang pekerjaan kepada rakyat. Peluang pekerjaan ini akan menjana sumber pendapatan bagi menyara hidup dan meningkatkan taraf ekonomi rakyat.

Perpaduan kaum pasti akan menaikkan imej negara di mata dunia. Perpaduan kaum membuktikan bahawa pemimpin Malaysia dapat memerintah dengan baik. Terdapat beberapa negara yang ingin mencontohi negara Malaysia dalam mentadbir negara. Selain itu, perpaduan kaum yang terdapat di Malaysia telah membolehkan Malaysia terpilih sebagai pengerusi bagi beberapa pertubuhan antarabangsa.

Secara keseluruhannya, pihak kerajaan telah melakukan pelbagai usaha dalam mengekalkan perpaduan kaum di Negara Malaysia tercinta ini. Sehubungan itu, kita sebagai rakyat Malaysia seharusnya bersyukur dengan keamanan yang dikecapi hari ini. Semoga keharmonian antara kaum yang berbilang bangsa akan terus dikekalkan.

YB. Dato' Haji Mat Ali bin Hassan
Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan
Merangkap Pengerusi
Perbadanan Perpustakaan Awam
Negeri Sembilan Darul Khusus

DAFTARLAH SEBAGAI AHLI


TEMUI KAMI DI :




Perbadanan Perpustakaan
Awam, Negeri Sembilan




BUKU TERKINI DI PPANS




Judul : Buku Fakta Untuk Pelajar:
Pengetahuan 146 Yang Ter... Di
Dunia
No. Panggilan: 031.02 BUK
Bahagian : Pinjaman(Dewasa)
Harga : RM14.90
Penerbit : Synergy books
M/S : 116ms




Judul : Cerita Cinta Ahmad Ammar
No. Panggilan: 959.97595 CER
Bahagian : Pinjaman (Dewasa)
Harga : 23.00
Penerbit : Grup Buku Karangkrat
M/S : 359ms



Judul : Bolehkah Bercouple?
Pengarang : Mohammad Nidzam Abdul
Kadir
No. Panggilan: 297.5677 MNA
Bahagian : Pinjaman(Dewasa)
Harga : 18.00
Penerbit : Telaga Biru
M/S : 169ms



Judul : Fatwa untuk Wanita
Pengarang : DR. YUSUF AL-QARADHAWI
No. Panggilan: 297.57082 QAR
Bahagian : Rujukan(Dewasa)
Harga : 13.00
Penerbit : PTS Islamika
M/S : 110ms



Judul : Making marriage simple : 10
truth for changing the
relationship you have into one
you want
Pengarang : Harville Hendrix
No. Panggilan: R 306.81 HEN
Bahagian : Rujukan(Dewasa)
Harga : RM 75.90
Penerbit : Harmony Books,
M/S : 198ms

SIDANG PENGARANG BULETIN

PENAUNG

Y.B. Dato' Haji Mat Ali bin Hassan
Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan
Merangkap Pengerusi
Perbadanan Perpustakaan Awam
Negeri Sembilan Darul Khusus

PENASIHAT

Jamilah @ Chumila binti Haji Katis
Pegawai
Perbadanan Perpustakaan Awam
Negeri Sembilan Darul Khusus

KETUA PENGARANG

Norasyikin binti Yusof
Ketua Unit Perhubungan Awam, PPANS

SIDANG PENGARANG

Norhayati binti Ismail
Siti Juhaida binti Husin
Amar Affizi bin Aziz
Ketua-Ketua Bahagian
Ketua-Ketua Unit
Ketua-Ketua Zon

PENYELARAS DAN PENGEDARAN

Salwati binti Mohd Salleh
Unit Perhubungan Awam, PPANS

REKA BENTUK

Nine Over Ten Dot Biz

JURUFOTO

Unit Media PPANS

PENERBITAN

Unit Perhubungan Awam
Perbadanan Perpustakaan Awam
Negeri Sembilan Darul Khusus
Tel : 06-763 5989/06-762 1308
Faks : 06-763 5944
E-Mel : proppans@gmail.com
Laman Sesawang: www.nslibrary.gov.my

Sidang Pengarang Buletin PPANS amat mengalu-alukan pandangan, cadangan dan komentar terhadap buletin ini. Pandangan dan cadangan dalam menambah baik buletin amat dihargai.

ULASAN BUKU


Judul : Menjunjung Bere Hijau Den Comando
Penulis : Mejar (B) Nazri Bin Talib
Penerbit : SNS Print & Bind
Lokasi : Bahagian Pinjaman Dewasa PPANS
No. Panggilan : 920.008 NAZ
ISBN : 9789675870064

Sinopsis:

Ahmad Ammar, sebaris nama yang tidak dikenali semasa hayat, namun menjadi kebanggaan selepas pemergiannya. Tiada yang diinginkan melainkan sebuah syahid. Tiada yang diperlukan selain redha ALLAH dan tiada yang lebih mengujakan selain bertemu bidadari-MU di syurga abadi. Alangkah bertuah ayahanda dan bonda dapat melihat perjalanan akhir anakanda tercinta dengan sebuah pengakhiran yang baik.

Subhanallah... indahnya rencana-MU ALLAH. Benar, ia bukan kebetulan. Engkau pergi ketika membawa misi ALLAH dan Rasul. Moga jannah jua sebagai ganti. Tenanglah adinda Ammar di sana. Tabahlah duhai ibu bapa dan keluarga. Wahai sahabat seperjuangan yang masih dalam kelana ilmu di Turki, jangan patah hati. Perjuangan kita perlu diteruskan. Impian Ammar adalah realiti kita.

Dapatkan buku ini di Zon Dewasa, Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Sembilan, Bahagian Pinjaman.



GLOSARI ADAT

Bela (Bolo)

Menjaga dengan baik terutama masa sakit

Berkisar (Bokisa)

Berubah, diubah suai


Bersiram Tabal

Upacara dilakukan pada hari kedua upacara kerjan (tabal) Undang Luak Jelebu

Bersemanda (bersomondo)

Berkahwin

BERITA GRUP SAYANGI PERPUSTAKAAN



Grup Sayangi Perpustakaan

Promosi ke sekolah telah mendapat sambutan di sekolah-sekolah di Negeri Sembilan. Grup Sayangi Perpustakaan terus mengorak langkah meneruskan mempromosi perpustakaan dan memberi pendekatan pengajaran membaca sangat penting untuk menarik minat pelajar di samping memastikan mereka mempunyai kemahiran membaca.

Pada kali ini, Grup Sayangi Perpustakaan telah hadir ke Sekolah Kebangsaan Gelang di Simpang Pertang, Sekolah Kebangsaan Air Kuning Selatan dan Sekolah Kebangsaan Tunku Laksamana Nasir Seri Menanti.

Terima kasih kepada Guru Besar dan guru-guru yang telah memberi kerjasama.



INFO TAHUKAH ANDA?

Dimana Tempat Paling Sejuk Di Dunia?

Suhu tersejuk pernah tercatat di Kutub Selatan lebih daripada 102 darjah Fahrenheit dibawah sifar. Itu sudah pasti teramat sejuk, tapi ianya bukan suhu tersejuk yang pernah tercatat di benua Antartika.

Pada tahun 1960, Saintis Russia bekerja di sebuah pangkalan Antartika di sebut Vostah lebih daripada 750 batu dari Kutub Selatan, mencatat suhu hampir 127 darjah dibawah sifar.



LAWATAN KERJA YB. TUAN ABD RAZAK BIN AB. SAID PENERUSI JAWATANKUASA BERTINDAK KEBUDAYAAN DAN ADAT ISTIADAT MELAYU KE PPANS

Perpustakaan Negeri, Seremban, 6 Mac 2014 – Ketibaan Pengerusi Jawatankuasa Bertindak Kebudayaan dan Adat Istiadat Melayu, YB. Tuan Abd Razak bin AB Said ke PPANS dialu-alukan oleh Y.Bhg. Puan Jamilah @ Chumila binti Haji Katis, Pengarah PPANS. Sesi lawatan telah dimulakan dengan penerangan mengenai PPANS dan kemudiannya diadakan sesi lawatan ke sekitar perpustakaan.



BABA BIN LUDEK BERTAHTA DALAM KOLEKSI

Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Sembilan mengambil langkah proaktif dengan menyokong penganjuran Program Bicara Tokoh sebagai landasan mendekatkan masyarakat dengan tokoh-tokoh kelahiran tempatan.


Sebagai permulaan Unit Koleksi Negeri Sembilan PPANS dengan Kerjasama Jawatankuasa Koleksi Rembau, Perpustakaan Awam Cawangan Rembau telah menganjurkan Program Bicara mengenai tokoh pilihan iaitu Allahyarham Baba Bin Ludek seorang anak kelahiran daerah Rembau yang telah banyak memperjuangkan bangsa melayu demi memastikan orang-orang Melayu terutamanya di luar Bandar tidak ditinggirkan.

Program yang telah berlangsung pada 15 Mac 2014, bertempat di Institut Latihan Perindustrian Pedas. Program ini bertujuan untuk mendokumentasi perjalanan hidup dan pencapaian tokoh terdahulu untuk dijadikan bahan koleksi perpustakaan di samping sebagai bahan rujukan kepada generasi akan datang.



BACAAN YASSIN DAN TAZKIRAH

Seremban Jumaat, 14 Mac 2014 - Hari ini telah diadakan Bacaan Yassin dan Tazkirah di Perpustakaan Negeri, Seremban. Di kesempatan ini kakitangan Perbadanan turut mendoakan keselamatan krew dan penumpang pesawat MH370 dan juga bermohon supaya Malaysia dilindungi dari bencana kemarau dan jerebu yang berpanjangan.



MANTAN MUFTI KERAJAAN NEGERI SEMBILAN, Y.BHG. DATO' HAJI MOHD MURTADZA BIN HAJI AHMAD

Kali ini pihak Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Sembilan telah membuat rakaman Sejarah Lisan bersama Y.Bhg. Dato' Haji Mohd Murtadza bin Haji Ahmad. Rakaman ini telah di buat pada 13 Mac 2014 di kediaman beliau di Taman Sri Putih, Seremban. Dilantik sebagai Sheikh Tarekat Al-Ahmadiyah Al-Idrisiyyah Ar-Rashidiyyah Ad-Dandrawiyyah. Beliau merupakan mantan Mufti Kerajaan Negeri Sembilan bermula berkhidmat pada tahun 1987 sehingga 2009. Sepanjang karier, beliau telah menghasilkan 80 buah rujukan bidang agama.



USAHA ANAK FELDA NEGERI SEMBILAN BERJAYA MENDAKI GUNUNG EVEREST

Perbadanan Perpustakaan Awam Daerah Tampin dengan kerjasama unit Media dan Unit Koleksi Negeri Sembilan telah mengadakan projek sejarah lisan bersama -sama pendaki gunung Everest iaitu Cik Siti Hanisah bte Sharuddin yang berasal daripada Jelai 1 telah mengharumkan nama Malaysia kerana telah sampai ke puncak Gunung Everest. Beliau bersama-sama 6 orang warga FelDA telah menawan Gunung Everest pada tahun 2013. Program Sejarah Lisan ini telah di adakan di Perpustakaan Awam Daerah Tampin pada 24 Februari 2014 bersama-sama Encik Mohd Ridwan bin Mohamad Yusof dan Puan Salwah bte Sharif, Pegawai Pusat Kegiatan Guru Tampin. Pihak PPANS mengucapkan tahniah kepada kesemua peserta anak FELDA yang berjaya mengharungi cabaran mendaki gunung tertinggi didunia, Gunung Everest!



MASTERCHEF KIDS DAN MEMBUAT TOPI MASTERCHEF

Seramai 30 orang pelajar Sekolah Rendah Tahap 1 dan 2 telah menyertai aktiviti Masterchef Kids dan membuat topi Masterchef. Aktiviti yang menarik ini diadakan di Perpustakaan Cawangan Port Dickson pada 14 Mac 2014, bagi tujuan membuka ruang minda para pelajar supaya lebih kreatif dan mempunyai cita-cita masa hadapan. Aktiviti pada kali ini mengajar para pelajar membuat topi masterchef. Di samping itu juga pelajar berpeluang membuat bijirin yang disalut dengan coklat masak. Dengan adanya aktiviti sihat ini juga diharapkan akan terbawa-bawa hingga dewasa kelak.





KRAFTANGAN UNIK

Kraftangan merupakan satu cabang seni yang unik dan mempunyai nilai yang tersendiri. Seramai 20 orang Pengunjung Ekspo Buku Islam di Negeri Sembilan 2014, di Terminal One Seremban menyertai kraftangan membuat sabun hiasan. Peserta diajar membuat hiasan pada sabun untuk digantung dalam kereta atau hiasan dalam rumah.



SELAMAT BERSARA, PN SITI ADNON BINTI HIJ ABD WAHID, PEN. PENGARAH BHGN PEMBINAAN KOLEKSI, PPANS



Seremban 31 Mac, 2014 – Warga kerja PPANS telah mengadakan majlis persaraan bagi meraikan Pn Siti Adnon binti Haji Abd Wahid. Turut hadir meraikan, Puan Jamilah binti Haji Katis, Pengarah PPANS. Pn Siti Adnon binti Haji Abd Wahid bersara pada 1 April 2014, telah berkhidmat di PPANS selama 27 tahun iaitu pada tahun 1987 sehingga 2014. Sudah menjadi lumrah perkhidmatan awam, setiap pertemuan pasti ada perpisahan, pihak Perbadanan merakamkan ucapan terima kasih dan mendoakan Pn Siti Adnon binti Haji Abd Wahid ceria dan bahagia di dalam kehidupan seharian.



PROGRAM MARI MEMBACA 1 MALAYSIA : IQRA @ SERI MENANTI

Program Mari Membaca 1Malaysia – IQRA @ Seri Menanti anjuran Perpustakaan Negara Malaysia dengan kerjasama Pejabat Dun Seri Menanti telah berlangsung pada 16 Mac 2014 di Padang Awam Seri Menanti. Pelbagai aktiviti menarik telah disediakan bagi mengimarahkan IQRA @ Seri Menanti, diantaranya Pameran dan jualan, aktiviti semarak jawi, permainan pembelajaran, permainan sukan rakyat, Pertandingan Mewarna Kategori Tabika 5-6 tahun dan Pertandingan Mewarna Tahap 1 Sekolah Rendah, Pertandingan Muazzin Muda, Ceramah dan lain-lain. Majlis perasmian disempurnakan oleh YB. Dato' Abd Samad bin Haji Ibrahim, ADUN Kawasan Seri Menanti. Turut hadir YB. Dato' Haji Mohammad Razi bin Haji Kail, Puan Jamilah binti Haji Katis, Pengarah, PPANS.

